

## Kursus Kem Matematik berkesan

**KOTA KINABALU:** Kursus Kem Matematik Bestari yang disertai 50 peserta lewat Ahad lepas, memberi kesan positif terhadap pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam mata pelajaran tersebut.

Kursus anjuran bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS), Unit Sains dan Teknologi Jabatan Ketua Menteri dengan Pejabat Pendidikan Bahagian Pantai Barat Selatan itu dilancarkan oleh Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Seri Panglima Osu Haji Sukam.

Selain itu, kursus tersebut berperanan mengasah minda pelajar berfikiran kritikal, sistematik, mantik dan kreatif selain menghargai dan menikmati keindahan matematik untuk menggerak langkah ke arah yang lebih berkesan.

Turut hadir pada majlis pelancaran yang diadakan Pengarah Pendidikan Sabah Datuk Seri Panglima Dr. Hasbullah Haji Taha, Pengarah Unit Sains dan Teknologi JKM, K.Y. Mustafa dan Dekan Sekolah Sains dan Teknologi UMS, Prof. Dr. Mohd. Noh Dalimin.

Objektif kursus yang menjurus kecemerlangan pelajar, turut berperanan membantu meletakkan kalangan pelajar meraih kejayaan.